

TPPA: Kita tunggu dan lihat, kata PM
Free Malaysia Today
Nov 17, 2016

Datuk Seri Najib Razak berkata beliau berharap Perdana Menteri Jepun Shinzo Abe dapat meyakinkan Trump yang TPPA bukan saja akan memanfaatkan 11 negara tetapi juga Amerika.

TOKYO: Malaysia mengambil sikap “tunggu dan lihat” sebelum membuat sebarang keputusan mengenai Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA) berikutan kebimbangan inisiatif itu tidak akan dilaksanakan susulan pemilihan Donald Trump sebagai presiden Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata beliau berharap Perdana Menteri Jepun Shinzo Abe dapat meyakinkan Trump yang TPPA bukan saja akan memanfaatkan 11 negara tetapi juga Amerika.

Abe dijangka bertemu dengan Trump di New York pada Khamis dan beliau merupakan pemimpin dunia yang pertama berbuat demikian.

“Beliau (Abe) berpendapat semua 11 negara TPPA perlu menghantar mesej kepada bakal presiden itu. Beliau percaya syarikat korporat di AS juga mahu perjanjian ini dikuatkuasakan,” kata Najib pada akhir lawatan beliau di sini.

“Kita perlu mengambil sikap tunggu dan lihat kerana apa yang beliau kata semasa berkempen bagi pemilihan jawatan presiden mungkin tidak sama seperti apa yang beliau kata semasa menyandang jawatan itu.

“Saya rasa kita perlu memberi beliau masa untuk mencerminkan apa yang akan menjadi dasar pentadbiran baharunya,” katanya.

Perdana menteri berkata negara anggota TPPA percaya perjanjian itu akan menggalakkan perdagangan bebas dan membuka pasaran bagi negara yang menyertainya.

“Jika, sebaliknya, kita berfikiran ke arah fahaman perlindungan, kesannya adalah negatif,” katanya.

Najib berkata Malaysia perlu bekerjasama dengan presiden baharu untuk mengukuhkan hubungan baik dengan AS.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/17/tppa-kita-tunggu-dan-lihat-kata-pm/>